



Pemeriksaan Operasi Kutipan Zakat Melalui Inovasi Pembayaran Zakat Secara Khultah, Pembayaran Zakat Menggunakan Barang Dagangan dan Zakat ke atas Instrumen Kewangan Jangka Panjang dan Sukuk Berasaskan Hutang

Empowerment of Zakat Collection Operations through Innovation of Zakat Payment Using Khultah Method, Payment of Zakat Using Merchandise and Goods, and Zakat on Long Term Financial Instruments and Debt-Based Sukuk

Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani^{1*}, Fidlizan Muhammad¹, Fatimah Salwa Abd Hadi¹, Azman Mohd Nor², Abdul Rahman Syukor³

¹ Department of Economic, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

² IIUM Institute of Islamic Banking and Finance (IIiBF), Block D, Level 2, KICT Building, Jalan Gombak 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

³ Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK - Zakat adalah satu instrumen yang sangat penting dalam pembangunan sosio ekonomi umat Islam, lantaran peranannya dalam pembangunan dan penjagaan kebajikan golongan yang kurang berkemampuan, dan pengagihan lebihan harta oleh golongan kaya. Zakat juga berfungsi sebagai pembersih hati dari sifat tamak, kedekut dan cintakan dunia secara berlebihan. Antara aspek penting zakat ialah soal kutipan yang mana Islam telah menggariskan golongan tertentu yang dikenakan zakat dan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat. Aspek ini sangat penting diperkasakan kerana keperluan para asnaf yang semakin meningkat, kehidupan manusia yang semakin berkembang, perkembangan sistem ekonomi yang semakin kompleks menyebabkan metod dan jumlah kutipan zakat sedia ada sudah tidak lagi dapat menampung jumlah keperluan sedia ada, dan ianya memerlukan anjakan paradigm yang baru, baik dari segi cara pengiraan, jenis-jenis aset, cakupan jenis-jenis golongan pembayar dan sebagainya. Kajian adalah kajian perpustakaan sepenuhnya iaitu dengan menganalisis pendapat-pendapat para ulama silam dan ulama semasa, dan disesuaikan dengan maklumat perkembangan terkini berkaitan pembayaran zakat. Hasil kajian mendapati bahawa antara pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan dalam meningkatkan hasil zakat antaranya ialah dengan menggunakan konsep pengiraan zakat secara *khultah* atau kolektif, pembayaran zakat menggunakan barang jualan sendiri, dan pembayaran zakat ke atas instrumen jangka panjang.

ARTICLE HISTORY

Received: 6th January 2022

Revised: 25th March 2022

Accepted: 29th April 2022

Published: 31st May 2022

KATA KUNCI

Zakat, *khultah*, barang
perniagaan, asnaf, hutang
jangka panjang

ABSTRACT - *Zakat is a very important instrument in the socio-economic development of Muslim society, and it plays a key role in developing the capacity of the less fortunate, by distribution of surplus property from the rich to the poor. Zakat also serves as a purifier of the heart from the nature of greed, stinginess and excessive love toward the world. Among the important aspects of zakat is the area of collection which Islam has outlined certain groups that are subject to zakat and the types of property that are subject to zakat. This aspect is very important to be strengthened since the needs of the asnaf are increasing, human needs are also growing, the development of the increasingly complex economic system has caused the existing method and amount of zakat collection can no longer meet the existing needs, and it requires a new paradigm shift, in terms of method of calculation, types of assets, coverage of types of payers, system and others. The study is a complete library-based study by analyzing the opinions of past and present Shariah scholars and adapted to the latest development related to the payment of zakat. The results of the study found that among the ways that can be used to increase the current zakat revenue are using the new concept of calculating zakat such as a calculation based on khultab or collective based collection, payment of zakat using good and stock, and payment of zakat on long-term debt-based instruments.*

Keywords: Zakat, khultab, stocks, asnaf, long term liability

PENDAHULUAN

Zakat adalah salah satu rukun Islam yang berkaitan kewangan yang diwajibkan ke atas setiap Muslim yang mencukupi syarat-syaratnya. Ianya adalah satu ketetapan dari Allah SWT yang mempunyai banyak hikmah tersirat disebalik pensyariatannya seperti untuk membersihkan jiwa dan hati manusia dari sifat bakhil, kedekut dan kasihkan dunia. Ianya juga bertujuan untuk membersihkan pendapatan manusia dari unsur-unsur yang syubhah yang tidak disedari berada dalam pemilikan seseorang itu. (Mustafa Khin et al., 2003).

Terdapat beberapa jenis harta yang dikenakan zakat lantaran adanya sifat *al-Nama`* pada harta-harta tersebut (Al-Qardawi, 2001) di samping ianya juga menjadi keperluan utama kepada para *asnaf* dan penerima zakat. Zakat juga menjadi satu instrumen penting pembangunan sosial ekonomi pembangunan umat Islam (Aidil, 2017) dan semenjak berzaman, ianya telah memainkan fungsinya dengan cemerlang mendepani pelbagai cabaran semasa umat Islam. Dalam memantapkan operasi zakat terutama dalam aspek kutipan, pelbagai pendekatan dan langkah telah diambil sama ada berkaitan sistem pengurusan urusan kutipan dan agihan zakat, urusan pentadbiran, pengeluaran fatwa termasuk liberalisasi memilih pendapat para ulama yang boleh menambah hasil kutipan zakat yang lebih banyak dan sebagainya. Ini adalah langkah-langkah yang sangat penting apatah lagi dalam berhadapan dengan suasana serba mencabar akibat COVID-19 yang melanda ketika ini yang menyebabkan banyak aktiviti ekonomi yang terjejas, kurangnya peluang pekerjaan, kadar kemiskinan semakin bertambah dan sebagainya. (Taufiq, 2020).

Antara aspek penting dalam pemerksaan pengoperasian zakat ialah aspek kutipan. Dalam usaha pemerksaan dan penambahbaikan aspek kutipan ini, terdapat beberapa cadangan yang akan cuba diketengahkan melalui penulisan ini. Apa yang cuba dibawakan di sini ialah, ianya adalah gabungan beberapa idea dan cadangan pemerksaan yang pernah diutarakan oleh beberapa penulis terdahulu, di samping ianya adalah berasaskan apa yang telah diterima dalam penulisan klasik mazhab Syafie sebagai mazhab yang menjadi rujukan utama bagi kebanyakan penduduk Malaysia (Sulong, 2019). Cadangan ini juga lebih kepada pemerksaan mazhab Syafie dalam mendepani cabaran semasa terutama dalam menambahkan hasil kutipan dan seterusnya

ianya dapat memperkuat aspek pengagihan dan pemeraksanaan zakat dan mengoptimumkan potensinya dalam mengangkat martabat dan kedudukan ekonomi rakyat.

Justeru berdasarkan perkara-perkara di atas, kajian akan menganalisa tiga langkah dan pendekatan iaitu pembayaran zakat menggunakan konsep *khultab*, pembayaran zakat menggunakan barang dagangan, dan pembayaran zakat ke atas hutang jangka panjang yang diniagakan.

SOROTAN LITERATUR

Topik berkaitan zakat adalah satu topik perbincangan yang banyak mendapat perhatian para pengkaji terutama dalam bidang sosio ekonomi Islam, di samping tajuk berkaitan wakaf, infak dan sebagainya. Ini kerana fungsinya yang sangat signifikan dalam pembangunan ekonomi ummah. Bagi topik yang berkaitan zakat secara umum, telah banyak karya-karya klasik dari pelbagai mazhab dan penulisan buku-buku moden yang membincangkan tentang zakat termasuk dalam aspek kutipan. Bagi penulisan khusus berkaitan kutipan zakat semasa terutama berkaitan tajuk yang ingin dikupas oleh penulisan ini pula, beberapa kajian lepas telah menyentuh tentang tajuk ini seperti kajian oleh Ahmad Zakirullah and Ridzwan Ahmad (2017) yang bertajuk “Aplikasi Konsep *Khultab* Dalam Pengiraan Zakat di Malaysia: Analisis Isu, Cabaran dan Penyelesaiannya” yang mana tulisan ini menerangkan tentang konsep *Khultab*, cabaran dan potensinya dalam kelestarian kutipan zakat. Begitu juga bagi penulisan yang bertajuk “Analisis Terhadap Keputusan Hukum dan Fatwa Zakat syarikat di Malaysia (Muhammad Ikhlas & Luqman, 2021)”, dan *Zakat on Legal Entities (Shakhsyyah I'tibariyyah): A Shari'ah Analysis* (Aznan, 2018), yang mana keduanya juga menyentuh tentang kutipan zakat berdasarkan konsep *khultab* namun hanya secara umum sahaja tanpa memperincikan pengoperasian dan aplikasi konsep ini.

Bagi tajuk berkaitan pembayaran zakat menggunakan barang jualan pula, artikel yang bertajuk *Payment of Zakat on Business Using Stock and Goods: A Preliminary Analysis* (Ahmad Zakirullah et al., 2020) yang mana penulisan ini telah menerangkan tentang pendapat ulama tentang hukumnya, potensi, kekangan dan cabaran, serta cadangan-cadangan dalam pelaksanaannya. Selain dari artikel ini, setakat pemerhatian penulis, tiada artikel yang memfokus kepada tajuk berkaitan pembayaran zakat menggunakan barang. Ini kerana kebanyakan penulisan yang ada banyak menjurus kepada perbincangan lain yang berkaitan zakat perniagaan seperti artikel bertajuk *Business Zakat Accounting and Its Assessment* (Teh Suhaila, 2017) yang membincangkan tentang aspek perakaunan dalam zakat perniagaan, artikel yang bertajuk *Factors that Influence Business Zakat Compliance among Small and Medium Entrepreneurs* oleh Muhammad (2016) yang menerangkan tentang faktor yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat perniagaan oleh penguasa kecil dan sederhana, dan sebagainya.

Selain itu juga bagi tajuk berkaitan zakat ke atas sukuk dan kertas kewangan komersil, kertas kerja bertajuk *The Concept of Zakat of Mustagballat and Its Application to Long Term Investment Sukuk* (Azman et al., 2020) telah mengupas tentang zakat ke atas hutang jangka panjang, dan hasil kajian mendapati hutang jangka panjang seperti yang digunakan sebagai kontrak pendasar bagi produk kertas kewangan Islam (*Islamic Commercial Papers*) dan *sukuk* yang berasaskan hutang adalah tertakluk kepada zakat kerana wujudnya kemampuan untuk pengurusan memandangkan ianya diperdagangkan di pasaran sekunder, juga kerana pemiutang tidak masalah untuk mendapatkan wangnya semula. Juga artikel bertajuk *Zakah on shares: Theory and reality in Malaysia* oleh Muhammad Ikhlas Rosele and Luqman Abdullah (2018) ada menerangkan tentang zakat ke atas saham dan sukuk, walaupun ianya membawakan perbahasan yang berbeza dari apa yang cuba dibawakan dalam penulisan ini.

Begitu juga penulisan-penulisan lain berkaitan pemeraksanaan pengoperasian zakat seperti artikel yang bertajuk *Tranformasi Pemeraksanaan Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia* oleh Azman Ab Rahman (2017) yang mana artikel ini menerangkan tentang pemeraksanaan sistem zakat secara umum namun tidak menfokus kepada cadangan kutipan dan penerokaan aset-aset baru yang berpotensi untuk dikenakan zakat. Juga tulisan yang bertajuk *Persediaan Institusi Zakat*

Menggunakan Mata Wang Kripto (*bitcoin*)” oleh Mohd Faiz Mohd Yaakob (2019) yang menerangkan tentang potensi dan cabaran pembayaran zakat matawang kripto (*crypto currency*) namun tulisan ini tidak menyentuh secara langsung apa yang ingin dikupas oleh penulis. Juga artikel-artikel lain seperti *Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat* (Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2005), *Sustainable Zakat Distribution through Wakalah Contract* (Wahid et al., 2021), *Pemeriksaan Agihan Zakat sebagai Medium Pembangunan Masyarakat Islam* oleh Nuruul Hidayah et al. (2014) dan lain-lain juga berkaitan pemeriksaan zakat namun dalam aspek yang berbeza.

Berdasarkan apa yang disebutkan di atas, jelas wujud jurang terutama dalam penerokaan kutipan zakat semasa justeru menjustifikasikan kajian sepertimana yang cuba dibawakan oleh penulisan ini sebagai cadangan pemeriksaan kutipan zakat di negara ini.

CADANGAN PEMERKASAAN KUTIPAN ZAKAT PERTAMA: PENGIRAAN ZAKAT BERDASARKAN KONSEP *KHULTAH*

Khultab ialah penggabungan antara satu dengan yang lain (Ibn Manzur, 1999) dan hasil dari percampuran ini menghasilkan sesuatu yang baru, atau hukum yang baru. Dalam konteks zakat, *khultab* berlaku apabila harta yang dimiliki oleh beberapa orang telah bercampur-campur, sama ada bercampur dari fizikal, atau bercampur dari segi pengurusan sahaja sedangkan zat dan *ain* harta zakat masih lagi diketahui pemiliknya. Bagi kewajipan zakat, *khultab* bermaksud harta-harta zakat yang bercampur antara beberapa pemilik akan dikira sebagai satu kiraan nisab dan dikenakan zakat apabila ia mencukupi syarat-syaratnya. Contoh jelas ialah seperti akaun simpanan atau deposit yang berada di bank-bank komersil yang mana harta-harta ini adalah bercampur-campur antara pemilik-pemiliknya, dan percampuran ini menjadikan ianya sebagai harta *khultab*.

Pendapat Ulama Tentang *Khultah* Dalam Bab Zakat

Dalam perbincangan tentang zakat ke atas harta *khultab*, terdapat dua pandangan ulama iaitu ulama yang menolak konsep *khultab* sama sekali dan ia adalah pendapat mazhab Hanafi, dan pendapat majoriti ulama yang menerima konsep *khultab*. Bagi pandangan mazhab Hanafi, konsep *khultab* adalah bertentangan dengan syarat-syarat zakat terutama syarat kecukupan *nisab* bagi setiap pemilik harta zakat justeru ianya adalah tertolak (Al-Kasani, 2003).

Bagi pandangan kedua pula, walaupun secara umumnya mereka menerima zakat *khultab* namun mereka berbeza pendapat tentang skop jenis-jenis harta yang tertakluk kepada pengiraan berdasarkan *khultab* ini. Bagi mazhab Maliki, mereka hanya menghadkan zakat *khultab* ke atas binatang ternakan sahaja, dan ianya tidak terpakai kepada harta-harta zakat lain (Al-Qarafi, 1994: Al-Maghribi, 1995: Ibn Rushd, 2004). Bagi mazhab Syafie pula, mereka menerima zakat *khultab* secara meluas, sama ada pada tanaman, binatang ternakan, perniagaan, emas dan perak dan sebagainya. Prinsip mereka sangat mudah iaitu mana-mana harta zakat yang bercampur antara beberapa pemilik sehingga mencukupkan satu *nisab* maka ianya tertakluk kepada zakat. Mereka juga membahagikan *khultab* kepada dua jenis utama iaitu *khultab isytirak* dan *khultab amsaf*. *Khultab isytirak* ialah harta yang dimiliki oleh dua atau tiga individu atau lebih tetapi tidak ditentukan pemilik secara khusus bagi setiap bahagian. Sebagai contoh mereka membeli beberapa ekor binatang ternakan secara berkongsi dan setiap daripada mereka memiliki bahagian ke atas binatang-binatang tersebut. Ianya juga dikenali dengan pemilikan secara *syuyu'* (*undivided portion*). Juga contoh *khultab al-syuyu'* seperti perkongsian dalam pemilikan tanah, aset tetap, wang tunai, akaun bersama dan sebagainya selama mana pemilikan adalah berdasarkan nisbah sahaja dan bukan secara khusus. Manakala *khultab Amsaf* pula ialah percampuran yang diketahui pemiliknya secara khusus namun harta dicampurkan untuk memudahkan penjagaan seperti dari segi makanan, minuman dan sebagainya. Dari segi pemilik kemudahan pula, ia tidak ditentukan hak milik siapa (Al-Juwayni, 2007: Al-Syarbini, t.t).

Dalil Kewajipan Zakat *Khultah*

Terdapat beberapa hadis Nabi SAW yang membicarakan tentang *khultah* dalam bab zakat, namun hadis sahih yang menjadi rujukan utama dalam kewajipan membayar zakat berdasarkan *khultah* ini ialah hadis riwayat Anas bin Malik dari Abu Bakar RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

لا يجمع بين مفترق ولا يفرق بين مجتمع خشية الصدقة وما كان من خليطين، فإنهما يتراجعان بينهما بالسوية.

“Tidak dibimpunkan (harta zakat) yang terpisah dan tidak dipisahkan (harta zakat) yang terhibung untuk mengelakkan dari zakat, dan dua orang yang bercampur (harta zakatnya) hendaklah dikeluarkan zakat daripada keduanya secara pro-rata...” (hadis no 1419) (Al-Bukhari, 2002: Asqalani, t.t: Al-Baihaqi, 2003)

Berkaitan hadis di atas, Imam Malik menerangkan bahawa maksud hadis ini ialah jika tiga pemilik harta zakat memiliki 40 ekor kambing setiap seorang dari mereka maka berdasarkan kaedah asal berkaitan pembayaran zakat, setiap seorang dari mereka dikenakan bayaran seekor kambing (bagi 40 ekor kambing yang dimilikinya), namun mereka menghimpunkan kambing-kambing tersebut dengan tujuan untuk mengurangkan bayaran zakat (disebabkan himpunan tersebut) yang mana hasil gabungan tersebut iaitu sebanyak 120 ekor maka zakat hanya dikenakan ke atas seekor sahaja. Atau dua orang yang bersama-sama memiliki 202 ekor kambing, yang mana wajib ke atas mereka mengeluarkan 3 ekor kambing sebagai bayaran zakat secara kolektif, namun mereka memisah dan membahagikan kambing-kambing tersebut antara mereka sehingga tidak dikenakan ke atas mereka melainkan seekor sahaja bagi setiap seorang (Al-Baji, 1914). Imam al-Syafi‘i pula mengatakan hadis ini merujuk kepada tuntutan supaya pemberi modal dan pengusaha tidak mengasing atau mencampurkan harta zakat untuk mengelakkan dari dikenakan zakat yang lebih tinggi (Al-Asqalani, 2001)

Selain dari hadis di atas, terdapat juga hadis lain yang berkaitan konsep *khultah* iaitu, hadis yang berbunyi “diceritakan kepadaku oleh mereka yang berjalan bersama pengutip zakat yang dilantik oleh Nabi SAW,- di zaman baginda SAW – bahawa mereka berkata: jangan diambil zakat dari binatang yang sedang menyusui, dan jangan menghimpunkan apa yang terpisah, dan jangan memisahkan apa yang telah terhibung, kemudian beliau berkata: dan dia didatangi oleh seorang lelaki dengan unta yang besar, lalu tuannya berkata, ambillah unta ini, namun ia enggan mengambilnya. (hadis no 549) (Abi Syaibah, 2004)

Juga hadis dari Sa‘ad bin Abi Waqās pula beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda; “Tidak dipisahkan di antara yang terhibung dan tidak dibimpunkan di antara yang terpisah, dan percampuran di antara dua (*khultah*) itu adalah yang terhibung tempat minum (kolam) penggembala dan kuda...” (hadis no 1920) (Dar al-Qutni, 2001)

Berdasarkan apa yang disebutkan di atas, jelas ianya memberi maksud bahawa pengiraan zakat berdasarkan *khultah* adalah sesuatu yang mempunyai sandaran dan asas yang kukuh dalam Islam dan sewajarnya diaplikasikan dalam aspek kutipan zakat semasa. Selain itu juga, secara mudahnya *khultah* akan menambah hasil pendapatan dan kutipan zakat kerana *nisab* sudah lagi tidak tertakluk kepada kepada *nisab* individu tetapi *nisab* secara kolektif.

Bagi mazhab Syafie juga, mereka mengqiyaskan kewajipan zakat ke atas binatang ternakan kepada harta-harta zakat lain seperti ternakan, emas dan perak, perniagaan dan *illah* kepada hukum ini ialah adanya keringanan dalam pengurusan (Al-Zanjani, t.t: Zakirullah & Ridzwan, 2017).

Amalan Semasa Pengiraan Zakat Berdasarkan *Khultah*

Berikut Jadual 1 berkaitan aplikasi semasa dalam pengiraan zakat berdasarkan konsep *Khultah*.

Jadual 1 : Aplikasi *Khultah* dalam Pengiraan Zakat Semasa

Aplikasi <i>Khultah</i> Dalam Pengiraan Zakat Semasa				
No	Jenis simpanan/syarikat	Kontrak Pendasar	Jenis <i>khultah</i>	Jenis Zakat/ <i>Nisab</i>
1	Tabung Haji	<i>Wakalah</i>	<i>Al-Jiwar/ al-Syuyu'</i>	Zakat <i>Khultah</i>
2	Pelaburan Hartanah Islam (<i>i-REIT</i>)	<i>Wakalah</i>	<i>Al-Jiwar/ al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
3	Unit Amanah (<i>Unit Trust</i>)	<i>Wakalah</i>	<i>Al-Jiwar/ al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
4	Akaun Simpanan	<i>Qard/ Tawarruq</i>	<i>Al-Jiwar/ al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
5	Akaun Simpanan Bersama (<i>Joint Account</i>)	<i>Qard/ Tawarruq</i>	<i>Al-Jiwar/ al-Syuyu'</i>	Zakat <i>Khultah/ individu</i>
6	Akaun Pelaburan	<i>Mudarabah/ Wakalah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
7	Akaun Pelaburan Emas	<i>Wakalah/ Wadi'ah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
8	Akaun Semasa	<i>Qard/ Tawarruq</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
9	Syarikat persendirian (<i>Private Company</i>)	<i>Syirkah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat <i>Khultah</i>
10	Syarikat senaraian awam (<i>Public Listed Company</i>)	<i>Syirkah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat <i>Khultah/ Zakat individu</i>
11	Simpanan Takaful (tabung peserta)	<i>Wakalah/ Mudarabah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat Individu
12	Simpanan Takaful (tabung risiko)	<i>Wakalah/ Mudarabah</i>	<i>Al-Syuyu'</i>	Zakat Individu

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (2022)

Berdasarkan Jadual 1 di atas jelas bahawa *khultah* wujud dalam operasi perbankan dan kewangan Islam dan ianya juga mempunyai potensi besar untuk dimajukan memandangkan banyak lagi tabungan dan wang-wang yang memenuhi konsep harta *khultah* seperti di atas yang boleh dikenakan zakat.

Selain itu juga, jika diambil salah satu contoh dana di atas iaitu sumber deposit pelanggan di bank-bank Islam dan dibuat simulasi kiraan zakat berdasarkan *khultah*, jelas potensinya sangat besar dalam mengembangkan hasil zakat, sepertimana diterangkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Deposit yang Berpotensi untuk Dikenakan Zakat *Khultah*

No	Bank-Bank Islam	Jumlah deposit (billion)	Jumlah Zakat 2.5%	Jumlah zakat berdasarkan 10%
1	Maybank Islamic	RM165 Billion	RM4.125 billion	RM412.5 juta
2	CIMB Islamic Bank	RM96 Billion	RM2.4 billion	RM240 juta
3	Bank Islam	RM47 Billion	RM1.175 billion	RM117 juta
4	Bank Muamalat	RM21 Billion	RM525 juta	RM52.5 juta
5	Affin Islamic Bank	RM18 Billion	RM450 juta	RM45.5 juta
	Keseluruhan	RM347 billion	RM8.675 billion	RM867.5 juta

Sumber: (Maybank, 2020; CIMB, 2020; Bank Islam, 2020; Bank Muamalat, 2020; Affin Bank, 2020)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, walaupun jumlah deposit diambil hanya dari 5 bank Islam sahaja di Malaysia, jelas ia adalah satu jumlah yang sangat besar iaitu RM867.5 juta setelah ditolak 90% dari jumlah kasar keseluruhan deposit yang boleh dikenakan zakat dengan mengambil kira pendeposit

yang bercampur antara Islam dan bukan Islam, juga akaun-akaun yang tidak dikenakan zakat seperti akaun masjid, dana-dana untuk kebajikan, sekolah dan sebagainya.

Jumlah di atas hanya contoh ilustrasi jumlah pembayaran zakat menggunakan *kbultab* bagi beberapa buah bank, dan jika dicampurkan deposit di keseluruhan bank-bank Islam yang wujud di Malaysia maka jumlahnya adalah jauh lebih besar lagi, apatah lagi jika jumlah 90% tolakan boleh kurangkan jika maklumat sebenar pendeposit yang tertakluk kepada bayaran zakat boleh ditentukan. Begitu juga ianya mungkin menjadi lebih besar jika dicampur dengan dana pelaburan selain deposit yang terdapat di bank, juga pelaburan dalam unit-unit amanah, hartanah dan sebagainya.

Selain itu juga, tidak timbul *kbultab* akan mengurangkan jumlah kutipan kerana walaupun tidak dinafikan bahawa dari satu sudut *kbultab* boleh juga mengurangkan hasil zakat, sepertimana halnya 3 orang yang memiliki 40 kambing bagi setiap orang maka zakatnya secara individu ialah 3 ekor, lantas jika dikira secara *kbultab* hanya dikenakan seekor sahaja dan jelas di sini bahawa *kbultab* mengurangkan jumlah kutipan, namun sepertimana yang jelas disebutkan dalam hadis berkaitan *kbultab* di atas bahawa oleh kerana harta telah berhimpun dan menepati ciri-ciri *kbultab* maka ianya perlu dikira berdasarkan *kbultab* tanpa mengambil kira sama ada ianya memberikan hasil kutipan yang tinggi atau sebaliknya kepada pemungut zakat. Begitu juga pengurangan disebabkan *kbultab* tidak terpakai dalam soal zakat simpanan (emas dan perak) kerana jumlah yang dikenakan ialah 2.5% dalam apa keadaan, selama mana ianya telah mencapai nisab dan syarat *kbultab* telah sempurna dalam harta tersebut berbeza dengan zakat ternakan yang mana ianya berbeza bergantung kadar jumlah binatang yang dimiliki.

Walaupun wujud beberapa kekangan kepada cadangan ini (Ahmad Zakirullah & Ridzwan Ahmad, 2017) namun ianya bukanlah bersifat kekal dan tiada jalan penyelesaian. Bahkan wujud cadangan penyelesaian kepada kekangan-kekangan yang terdapat pada cadangan ini sepertimana yang telah diterangkan dalam penulisan tersebut.

Selain itu juga, peranan dari pusat-pusat zakat dan majlis agama sangat penting terutama pengeluaran fatwa dan ketetapan yang jelas berkaitan pembayaran zakat menggunakan konsep *kbultab* ini. Melalui fatwa dan juga manual yang jelas juga kempen-kempen kesedaran dan penerangan berkaitan pembayaran zakat secara *kbultab* ini maka ianya membolehkan adanya kesedaran dan seterusnya pembayaran zakat boleh dibuat oleh pemilik aset-aset yang bersifat *kbultab* ini

Sebagai rumusan bagi cadangan pembayaran zakat menggunakan konsep *kbultab* ini, diharapkan pihak-pihak berkuasa yang terlibat dalam soal zakat dapat duduk bersama membincangkan cadangan pengiraan zakat berdasarkan konsep *kbultab* ini. Melalui pelaksanaan pengiraan zakat berdasarkan konsep *kbultab*, ianya dapat memaksimumkan sumber pendapatan bagi institusi kutipan dan agihan zakat lantas memperkasakan institusi zakat itu sendiri dalam jangka masa panjang.

CADANGAN PEMERKASAAN KUTIPAN ZAKAT KEDUA: PEMBAYARAN ZAKAT MENGGUNAKAN BARANG DAGANGAN

Cadangan kedua pemeraksanaan kutipan zakat ialah pembayaran zakat menggunakan barang dagangan dan jualan itu sendiri. Ianya seperti contoh Ahmad seorang penjual komputer, apabila cukup *nisab* dan cukup *hawl* perniagaannya maka beliau membuat bayaran zakat dengan menggunakan komputer sendiri yang bersamaan nilai zakat sebagai ganti kepada wang yang perlu dikeluarkannya sebagai bayaran zakat.

Pendapat Ulama Tentang Kaedah Pembayaran Zakat Perniagaan Sama ada Menggunakan Wang atau Barang Perniagaan Sendiri

Dalam soal kaedah pembayaran zakat perniagaan sama ada dengan menggunakan barang perniagaan itu sendiri atau menggunakan wang, dalam mazhab Syafie terdapat beberapa pendapat berkaitan isu ini iaitu:

- Pendapat Pertama: pembayaran zakat perniagaan mesti dibuat menggunakan wang dan bukan dengan barang dagangan sendiri. Ini kerana barang itu sendiri bukan jenis harta-harta zakat pada asalnya, bahkan ia menjadi harta zakat bila diniagakan, dan perniagaan adalah berkaitan dengan penilaian kepada barang tersebut, maka berdasarkan ini yang perlu dikeluarkan ialah nilai iaitu wang.
- Pendapat Kedua: pembayaran zakat perniagaan mesti dibuat menggunakan barang kerana barang adalah sebab diwajibkan zakat perniagaan.
- Pendapat Ketiga: Boleh memilih antara wang dan barang dalam pembayaran zakat perniagaan, kerana keduanya adalah sebab kepada wajibnya zakat perniagaan.
- Pendapat keempat: Boleh dikeluarkan barang sebagai ganti wang, namun mestilah barang yang diperlukan oleh para asnaf dan dikira barang keperluan utama (Al-Nawawi, t.t; Mustafa Khin et al., 2003)

Pendapat yang kuat dan terpakai di sisi mazhab Syafie ialah pendapat yang pertama iaitu mesti dibayar menggunakan wang dan nilai dan bukan dengan menggunakan barang perniagaan itu sendiri, dan ia juga adalah pendapat yang dipegang oleh mazhab Hanbali (Ibn Qudamah, 1995: al-Nawawi, t.t). Ini juga adalah pendapat yang diguna oleh pihak berkuasa zakat di negara ini (Lembaga Zakat Selangor, 2021a; Pusat Pungutan Zakat, 2021)

Dalam soal ini kajian berpandangan bahawa pendapat yang kuat dalam soal kaedah pembayaran zakat perniagaan ialah, zakat perniagaan perlu dibayar menggunakan wang sebagai kaedah asal, namun diharuskan membayar zakat menggunakan barang jika adanya situasi yang mendesak berasaskan hujah di bawah iaitu:

1. Barang perniagaan adalah asas kepada kewajipan zakat, yang mana darinya akan dibuat penilaian berdasarkan kadar *nisab* emas dan diambil darinya sebanyak 2.5% sebagai bayaran zakat. Sebagaimana penilaian adalah berdasarkan emas dan perak atau matawang yang merupakan elemen penting dalam soal zakat perniagaan maka begitu juga barang itu sendiri juga adalah salah satu elemen penting wajibnya zakat perniagaan, maka memilih salah satu antara keduanya adalah diharuskan jika adanya keperluan (Mustafa Khin et al., 2003).
2. Ianya juga adalah pendapat yang telah dipilih oleh Dr Yusuf al-Qardhawi (2001), Dr Qaradaghi (2019) dan lain-lain. Mukhtar Zakat Pertama (Kuwait Zakat House, 1988) juga ada menyebutkan:

“Hukum asal bagi pembayaran zakat perniagaan adalah dengan menggunakan wang sesudah dinilai barang dan membuat pengiraan bagi kadar yang wajib dikeluarkan, kerana ianya adalah lebih sesuai kepada para fakir, kerana wang boleh memenuhi keperluan mereka yang pelbagai, namun demikian diharuskan juga mengeluarkan zakat menggunakan barang perniagaan itu sendiri, apabila ianya boleh menghilangkan kesukaran dari pembayar dalam situasi kemelesetan dan kecairan yang lemah, juga apabila ia boleh mencapai kemaslahatan para fakir melalui pengambilan bayaran zakat menggunakan barang yang ia boleh mengambil manfaat dari barang tersebut, dan ini adalah pendapat yang telah dipilih oleh Nadwah dalam ijtihad-ijtihad fiqh dan berdasarkan keadaan semasa”. (h. 466).

3. Wujudnya situasi yang mana syarikat-syarikat perniagaan yang perlu membayar zakat menghadapi kesukaran di sebabkan kekurangan tunai, atau tunai sedia ada sangat diperlukan untuk tujuan pengembangan perniagaan (*business expansion*) yang merupakan satu perkara yang sangat penting dalam perniagaan dan dalam masa yang sama mereka mempunyai lebih stok-stok yang tidak terjual. Membenarkan syarikat yang menghadapi situasi sebegini membayar zakat menggunakan barang jualan mereka adalah sangat membantu dalam aspek pengurusan tunai, dan ini akan menyumbang kepada prestasi yang lebih baik kepada syarikat. Ini menjadikan pembayaran zakat sebegini lebih mesra pembayar dan ianya juga secara tidak langsung boleh mengoptimumkan pembayaran zakat oleh syarikat seterusnya menambahkan jumlah pembayaran dan kutipan zakat (Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan, 2014).
4. Ianya memberi kemudahan kepada penerima zakat yang mana mereka tidak perlu bersusah payah mendapatkan sendiri barangan, begitu juga ianya mungkin dengan harga yang lebih

rendah dari harga pasaran semasa dan ini sangat membantu mereka dalam menambah nilai zakat yang mereka terima. Ianya bukan sahaja boleh menjimatkan kos dari segi kos pengangkutan, harga barang yang mungkin lebih rendah berbanding harga di pasaran, bahkan ia juga boleh menjimatkan masa dan tenaga para *asnaf* untuk mendapatkan barangan yang mereka perlukan dalam kehidupan mereka dan ini boleh menyumbang kepada keyakinan dan kepercayaan para *asnaf* dengan aspek pengurusan zakat dan seterusnya dapat menambah baik sistem keberkesanan kutipan dan agihan zakat secara efektif dan efisien (Ahmad Shahir & Adibah, 2010).

Sebagai contoh bagaimana kaedah ini boleh membantu para *asnaf* mendapatkan keperluan mereka ialah komputer sebagai bayaran zakat. Memandangkan salah satu keperluan utama para *asnaf* dewasa ini adalah kepada komputer untuk pembelajaran anak-anak maka ianya (komputer) boleh dijadikan sebagai bayaran zakat, dan ianya mungkin dengan spesifikasi dan harga yang lebih menarik di samping menjimatkan masa para *asnaf* berbanding mendapatkan sendiri di kedai-kedai menjual komputer.

Kekangan Dalam Pelaksanaan Pembayaran Zakat Menggunakan Barang

Berdasarkan maklumat yang diterima dari sebahagian pusat zakat, pembayaran zakat menggunakan barang telah diluluskan oleh badan penasihat Syariah mereka, begitu juga terdapat beberapa syarikat yang ingin membayar zakat menggunakan barang jualan sendiri namun ianya tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa kekangan, antaranya disebabkan kekurangan kemudahan infrastruktur pengurusan barang dan juga ianya akan menyebabkan *amil*/ pengutip zakat sudah tidak lagi mendapat bahagian mereka jika pembayaran dibuat dalam bentuk barang sebagai ganti kepada wang (Ustaz Mohammad Farid bin Mohammad Zainal, personal communication, October 19, 2020).

Untuk mengatasi isu ini maka kajian mencadangkan supaya barang yang dijadikan pembayaran zakat hanyalah jenis barangan yang mudah dilupus sahaja dan bukan berbentuk hartanah dan sebagainya. Ini juga sesuai dengan sebahagian pendapat ulama yang menyatakan bahawa hanya kategori harta yang paling bermanfaat kepada *asnaf* sahaja yang boleh diterima sebagai pembayaran zakat (Al-Nawawi, t.t). Begitu juga bagi mengambil kira kehilangan pendapatan *amil* disebabkan pembayaran zakat dengan barangan ini maka dicadangkan supaya ianya dihadkan kepada sebahagian sahaja dari keseluruhan jumlah pembayaran zakat sesebuah syarikat itu, dan bukanlah semuanya menggunakan barang. Pihak berkuasa zakat mungkin boleh menetapkan kadar tertentu seperti hanya dibenarkan setakat 1/3 sahaja dalam bentuk barang dan selebihnya adalah dalam bentuk asal iaitu menggunakan wang tunai. Ini demi menjaga kepentingan *amil* yang merupakan salah satu penerima yang sah sepertimana yang telah digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah (Al-Qardhawi, 2001).

Keharusan pembayaran zakat menggunakan barangan dan sebagainya sepertimana yang telah dihuraikan oleh sebahagian penulis (Ahmad Zakirullah et al., 2020).

Penentuan Jenis Barangan yang Boleh Diterima Sebagai Bayaran Zakat

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini bahawa dalam pelaksanaan pembayaran zakat menggunakan barang dagangan, selain ianya mengambil kira kepentingan pembayar dengan menetapkan beberapa situasi yang membolehkan mereka membayar zakat menggunakan barangan sepertimana yang telah dibincangkan di atas, kepentingan penerima zakat dan keperluan mereka juga mestilah diambil kira, terutama dari sudut barang apakah yang boleh diterima sebagai bayaran zakat perniagaan yang dapat memenuhi keperluan utama mereka. Ini supaya zakat itu kekal untuk membantu para fakir untuk memenuhi keperluan asasi mereka. Atas dasar ini maka antara parameter/*dawabit* jenis barang yang boleh diguna untuk melunaskan zakat perniagaan ialah:

1. Barangan hendaklah termasuk dari jenis barangan keperluan asasi seperti makanan, minuman, pakaian, keperluan berkaitan pendidikan seperti beg, pakaian, kasut dan segala keperluan

berkaitan persekolahan, juga komputer bagi keperluan peringkat universiti dan sebagainya. Bagi barang makanan seperti membayar zakat dengan beras bagi syarikat pengilang beras, dalam mazhab Syafie beras adalah zakat ke atas ainnya sendiri walaupun ia dijadikan barang dagangan (Al-Nawawi, t.t: Al-Ramli, 2003) dan antara isu yang mungkin timbul ialah kadar *nisab* yang manakah yang perlu diambil kira sama ada *nisab* beras/padi atau *nisab* harta perniagaan. Dalam soal ini kajian berpandangan bahawa bagi memudahkan urusan maka memadailah satu *nisab* sahaja iaitu dengan mengambil kira *nisab* bagi zakat perniagaan sebagai asas dan tidak perlu menggunakan *nisab ain*/beras. Justeru memadailah dibuat penilaian terhadap stok beras sedia ada kemudian dibayar dengan beras yang senilai dengan jumlah zakat yang perlu dibayar.

2. Bahan-bahan bacaan juga boleh diterima pakai sebagai bayaran zakat, namun perlu dipastikan bahawa buku yang diberi mestilah buku yang bermanfaat seperti buku pelajaran, bacaan-bacaan umum, dan sebagainya. Tidak boleh membayar zakat menggunakan buku-buku yang tidak bermanfaat apatah lagi buku yang berunsur maksiat, sia-sia/*lagha*, tahyul dan sebagainya yang dilarang oleh Syarak.
3. Barang mestilah yang boleh dipindah milik dengan pemilikan yang penuh, dan tidak boleh membayar zakat dengan barang yang tidak boleh dimiliki, atau pemilikan yang tidak penuh seperti aset yang dijadikan cagar, aset yang di sedang disewakan dan sebagainya.
4. Bagi barang yang bersifat manfaat seperti tiket bas, kapal terbang, keretapi dan pengangkutan-pengangkutan lain, walaupun ianya adalah manfaat dan bukan *ain*/barang namun oleh kerana sifatnya adalah seperti barang dan ia telah menjadi keperluan harian yang boleh bertukar tangan maka ianya boleh dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai bayaran, namun perlu mengambil kira juga keperluan *asnaf* kepada tiket tersebut sama ada ia adalah keperluan sebenar dan sebahagian keperluan asasi atau lebih kepada keseronokan dan berlebih-lebihan sahaja.
5. Barang mestilah barang yang berkualiti pertengahan, dan tidak boleh mengeluarkan barang yang berkualiti rendah, atau barang tiruan yang mana kualitinya bukan sekadar rendah tetapi juga boleh memudaratkan penggunaanya.
6. Selain itu juga, bagi syarikat yang mempunyai banyak jenis barang jualan maka perlu juga ia mengeluarkan setiap jenis barang jualan dan tidak hanya membayar dengan menggunakan sejenis barang sahaja untuk keseluruhan pembayaran zakat perniagaannya (Mustafa Khin et al., 2003; Ahmad Zakirullah et al., 2020).

Bagi rumusan cadangan pemeraksanaan kedua ini, selain ianya dapat membantu para peniaga dalam mengharungi situasi mencabar yang mereka hadapi kini apatah lagi dengan wabak COVID-19 yang menjejaskan kebanyakan perniagaan dan ekonomi semasa, ianya juga diharap dapat merencanakan ekonomi negara dengan kewujudan syarikat-syarikat yang mempunyai prestasi kewangan yang lebih kukuh, dan ia juga dapat membantu para *asnaf* mendapatkan terus keperluan mereka dengan cara yang lebih ekonomik. Walaupun tidak dinafikan terdapat beberapa kekangan tertentu untuk merealisasikan cadangan ini, namun dengan daya usaha dan pengemblengan tenaga mereka yang terlibat maka ianya dapat diatasi.

CADANGAN PEMERKASAAN KETIGA: ZAKAT TERHADAP ASET JANGKA PANJANG YANG DIPERDAGANGKAN DI PASARAN MODAL

Cadangan ketiga ini bermaksud instrumen-instrumen kewangan jangka panjang berasaskan hutang yang diperdagangkan di pasaran sekunder akan tertakluk kepada pengiraan zakat walaupun hutang masih belum matang. Berdasarkan amalan semasa pengiraan zakat berdasarkan metod modal kerja/*working capital*, hanya aset dan tanggungan semasa sahaja yang diambil kira untuk proses pengiraan zakat. Bagi hutang jangka panjang ianya tidak tertakluk kepada harta yang dikenakan zakat kerana ianya masih belum matang (Lembaga Zakat Selangor, 2021a; Pusat Pungutan Zakat, 2021). Melalui cadangan ini maka instrumen-instrumen jangka panjang

berdasarkan hutang yang diperdagangkan di pasaran sekunder juga akan dikira sebagai termasuk aset-aset yang tertakluk kepada pengiraan zakat.

Apa yang dimaksudkan dengan instrumen jangka panjang di sini ialah *Sukuk*, Kertas Komersil Islam/*Islamic Commercial Papers* (ICP), Nota Jangka Sederhana Islam/*Islamic Medium Term Notes* (IMTN) atau mana-mana instrumen yang mana tempoh matangnya melebihi dari 1 tahun. *Sukuk*, ICP dan IMTN adalah antara produk utama Pasaran Modal Islam (PMI) dan ia merupakan satu pemilikan secara *syuyu`* (bahagian yang tidak tertentu- *undivided portion*) kepada suatu aktiviti kewangan yang patuh Syariah. Ia merupakan alternatif kepada bon konvensional di pasaran kewangan Islam (AAOIFI, 2010).

Sukuk dari sudut bahasa adalah kata banyak/*jamak* kepada *sakk* iaitu tulisan yang mewakili hak-hak, harta dan yang seumpama dengannya (Al-Fayumi, 1987). Dari sudut istilah pula, ianya bermaksud: “*Watikah atau sijil kewangan yang nilainya sama mewakili bahagian yang tidak tertentu (undivided share) pada pemilikan aset (aset fizikal, manfaat-manfaat, hak-hak lain atau pada percampuran aset)*”. (Majma` Fiqhi, 2009). AAOIFI (2010) pula mendefinisikan *sukuk* sebagai: “*Sijil kertas yang mempunyai nilai yang setara mewakili bahagian yang tidak tertentu (undivided share) pada pemilikan aset fizikal, atau pada manfaat atau pada perkhidmatan atau pada aset projek tertentu atau pada aktiviti pelaburan khas. Ia berlaku selepas berhasil mendapatkan nilai sukuk dan telah ditutup pembelian (ikhtab) dan dimulakan penggunaan dana sepertimana tujuan pengeluaran sukuk tersebut*” (h.238).

Walaupun sifat-sifat *sukuk* ditentukan oleh aset dan akad yang mendasari sesuatu *sukuk* (*underlying contracts*) yang mana terdapat *sukuk* yang memberi pulangan tetap jika akad pendasarnya adalah berdasarkan hutang dan ada juga yang berbentuk tidak tetap jika akad pendasarnya adalah akad perkongsian seperti *musyarakah* dan *wakalah bi al-istithmar* namun dalam banyak keadaan ia memberikan pulangan tetap (*fixed income*) memandangkan adanya elemen jaminan modal terutama oleh pihak ketiga, juga adanya hak keutamaan dalam tuntutan ketika pencairan syarikat penerbit oleh mahkamah (*winding up*). Selain itu ia juga, sekiranya pemegang *sukuk* ingin mendapatkan wang tunai segera, dia boleh menjual *sukuk* di pasaran pada bila-bila masa (Al-Jaziracapital, 2014).

Zakat Terhadap *Sukuk* Berteraskan Hutang

Bagi *sukuk* yang berteraskan hutang, ia adalah instrumen jangka panjang yang dikeluarkan menggunakan konsep hutang (*debt based*) seperti *sukuk murabahah*, *sukuk tawarruq*, *sukuk Bai Bi Thaman Ajil (BBA)* dan lain lain lagi. Keberhutangan berlaku disebabkan pembayaran terhadap transaksi *murabahah* atau *tawarruq* adalah dibuat secara bertanggung yang menatijahkan pengeluar *sukuk* (*issuer/obligor*) berhutang kepada pelabur dan pemegang *sukuk/investor*. *Sukuk* yang berteraskan hutang boleh dipegang oleh pelabur sehingga tarikh matang, atau boleh juga dijual di pasaran sekunder/*secondary market* untuk mendapatkan tunai ataupun untuk tujuan dijadikan aset selamat (*save haven asset*).

Persoalan yang timbul adalah, sama ada *sukuk* jenis ini tidak dikenakan zakat kerana melihat kepada sifat semulajadinya sebagai hutang yang belum matang, atau adakah zakat hanya dikenakan ke atas dividen atau kupon yang diterima sahaja dan tidak ke atas jumlah modal pokok sama halnya seperti zakat *Mustagballat'*, atau mungkin boleh dikira *sukuk* ini sebagai seolah instrumen jangka pendek memandangkan ianya boleh diperdagangkan dan boleh dicairkan melalui penjualan di pasaran sekunder lalu dikenakan zakat walaupun hutang masih belum matang?

³ Iaitu segala harta yang diperolehi daripada harta yang tidak diwajibkan zakat tetapi mendatangkan pulangan atau pendapatan dengan cara sewaan atau jualan hasilnya. Contoh:

- Hasil sewaan rumah, bangunan, kilang, premis, perniagaan dan sebagainya.
- Hasil sewaan kenderaan, pengangkutan, peralatan, aset atau sebagainya.
- Hasil yang dikeluarkan oleh binatang ternakan seperti susu, telur, madu dan sebagainya yang dijual

Rujuk- <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-pendapatan/>

Bagi menjawab persoalan di atas, sebahagian ulama berpandangan bahawa zakat ke atas *sukuk* dan seumpamanya adalah berdasarkan zakat *mustagballat*, bermaksud zakat dikenakan ke atas hasil kupon dari pelaburan *sukuk* tersebut dan bukan dikenakan ke atas nilai pokoknya. Namun demikian, dalam konteks Malaysia, pihak berkuasa zakat telah menetapkan bahawa *sukuk* tidak termasuk dalam zakat *mustagballat* bahkan semua jumlah pelaburan dan dividen dikenakan zakat (Lembaga Zakat Selangor, 2021b).

Bagi persoalan sama ada ia adalah hutang jangka pendek atau panjang, jelas sepertimana yang telah disebutkan di atas bahawa ia adalah hutang jangka panjang yang mana berdasarkan kaedah pengiraan zakat semasa, ianya tidak dikenakan zakat. Namun dalam soal ini sewajarnya dikaji perbincangan ulama tentang zakat ke atas hutang dan apakah punca zakat tidak dikenakan ke atas hutang jangka panjang.

Pendapat Ulama Tentang Zakat ke atas Hutang

Dalam soal membahaskan soal zakat ke atas hutang ini, para ulama telah membahagikan hutang kepada dua jenis iaitu:

Jenis Pertama: *Al-Dayn al-Hal* (Hutang yang sudah matang) dan ia terbahagi kepada dua:

Pertama: Yang boleh diharapkan pembayarannya.

Para fuqaha' mendefinisikannya sebagai hutang yang diakui oleh peminjam dan dia boleh menjelaskannya pada bila-bila. Bagi hutang jenis ini mereka berbeza pendapat yang mana sebahagian berpandangan ianya perlu dibayar apabila mendapat wang, sebahagian pula berpandangan tidak perlu dibayar sama sekali, dan sebahagian pula berpandangan perlu dibayar bagi tahun-tahun yang terdahulu, sebahagian pula perlu melihat kepada jenis-jenis hutang sama ada hutang dalam perniagaan dan sebagainya dan beberapa lagi isu berkaitan zakat ke atas hutang jenis ini (Al-Nawawi, t.t).

Namun fokus kajian adalah jenis kedua iaitu hutang yang belum matang kerana ia adalah lebih sesuai dengan sifat *sukuk* dan instrumen jangka panjang itu sendiri.

Jenis Hutang Kedua: *Al-Dayn Muajjal* (Hutang Yang Belum Matang)

- 1) Pendapat pertama: Pendapat yang dipegang dalam mazhab al-Syafie yang mengatakan bahawa hutang yang belum matang tidak dikenakan zakat, bahkan pembayaran zakat hanya dibuat apabila hutang telah matang sahaja.
- 2) Pendapat kedua bahawa hutang dikenakan zakat dan pembayaran perlu dibuat segera sekalipun wang belum diterima dari penghutang dan hutang masih belum matang.
- 3) Pendapat ketiga bahawa tidak dikenakan zakat sama sekali (Al-Syarbini, t.t: Ibn Qudamah, t.t)

Pendapat Terpilih

Pendapat yang terpilih dalam soal zakat ke atas instrumen-instrumen jangka panjang yang berasaskan hutang ialah pendapat kedua dalam mazhab Syafie yang menyatakan bahawa zakat tetap dikenakan sekalipun hutang masih belum matang. Dalam konteks zakat ke atas hutang/*receivable* ini, walaupun pandangan yang kuat/*Asab* dalam mazhab al-Syafie dan begitu juga yang dipakai oleh pusat-pusat zakat pada hari ini ialah, zakat tidak wajib dikeluarkan selagi mana hutang masih belum matang atau hutang jangka panjang (*long term liability*) terutama berdasarkan kaedah Modal Kerja (*Working Capital*), namun bagi *sukuk* yang berasaskan hutang, kajian berpandangan bahawa hukumnya adalah berbeza. Ini kerana pensekuritian dan diperdagangkan di pasaran sekunder telah menjadikannya seperti hutang yang telah matang (*al-dayn al-hal*) walaupun sifat asalnya ia adalah hutang yang belum matang (*al-dayn al-muajjal*). Ia dikira seolah hutang yang telah matang kerana pemegang *sukuk* boleh menukarkannya kepada tunai pada bila-bila masa walaupun bukan daripada penghutang iaitu dengan cara menjualkannya kepada pasaran yang terbuka (*open market*) dan ciri-ciri ini memenuhi ciri-ciri hutang yang sudah matang (*dayn al-hal*) dalam soal zakat.

Kajian berpandangan berdasarkan amalan semasa *sukuk* yang diperdagangkan di pasaran sekunder maka ianya telah menjadikan sebab atau *'illah* kenapa dibenarkan melewati pembayaran zakat ke atas hutang sudah tidak lagi wujud, iaitu disebabkan kerana adanya kemampuan untuk *tasarruf*/mengurus melalui penjualan hutang di pasaran sekunder. Ianya bermaksud, melalui penjualan ini maka pemilik hutang sudah mendapat wangnya semula dan berdasarkan ini, zakat wajib ditunaikan dari *sukuk* sekalipun belum matang. Ini juga salah satu pendapat dalam mazhab al-Syafie walaupun bukan pendapat yang masyhur. Kata al-Nawawi (t.t):

“Jika ia adalah hutang (receivable) yang belum matang (muajjal), maka ada dua jalan /tharik yang masyhur, yang disebutkan oleh musannif (al-Shirazi) dengan kedua dalilnya, yang paling asah antara keduanya ialah wajib zakat, dan yang kedua ialah tidak dikenakan zakat, dan ini adalah jalan dari Abi Ishaq al-Marwazi. Adapun jalan yang kedua iaitu jalan Ibn Abi Hurairah maka tidak wajib zakat hanya satu pendapat sahaja, seperti harta yang ghaib yang mudah didapatkan semula. Dan jika kita mengatakan wajib zakat (bagi hutang yang belum matang), maka adakah wajib dikeluarkan segera (hal)? Padanya ada dua wajah, sepertimana yang disebutkan oleh Imam al-Haramayn dan ulama lain, dan yang paling asah antara keduanya ialah tidak wajib (dikeluarkan segera). Dan ini adalah pendapat yang diputuskan oleh jumbuh, sama seperti hukum harta yang dirampas” (jilid 5, b 506-507).

Berdasarkan nas di atas, jelas disebutkan salah satu pendapat/*wajb* dalam mazhab al-Syafie yang mewajibkan zakat ke atas hutang sekalipun belum matang dan inilah pendapat yang dikira kuat dalam konteks isu yang sedang dibincangkan ini. Ini kerana *'illah* kenapa pendapat yang *Azhar* mengatakan wajib bayar hanya apabila hutang telah diterima (*al-qabd*) ialah kerana tiada kemampuan untuk *tasarruf* sebelum penerimaan (*al-qabd*), sedangkan dalam sistem pasaran modal semasa, sekalipun hutang masih belum matang namun dengan adanya penssekuritan dan diperdagangkan di pasaran kedua (*secondary market*) maka *'illah* yang sama pada hutang yang telah matang juga telah wujud, justeru hukum yang bersesuaian ialah, zakat perlu segera di bayar. Ini dikuatkan dengan apa yang disebutkan oleh Al-Qalyubi (1955) dengan katanya:

“Dan punca adanya khilaf ialah kerana ia (hutang belum matang) tidak boleh ditasarruf sebelum sampai masanya” (jilid 2 b 40). Jelas kemampuan untuk pengurusan/*tasarruf* adalah punca khilaf atau *'illah* kepada hukum. Tanpa adanya kemampuan *tasarruf*, maka zakat tidak perlu disegerakan dan sebaliknya jika ada kemampuan *tasarruf* maka zakat wajib dibayar. Dalam konteks semasa, jelas kemampuan *tasarruf* telah wujud kerana ia (*sukuk*) boleh dicairkan pada bila-bila masa, seolah tidak ada beza di antara *sukuk* yang sudah matang atau belum, justeru wajib zakat ke atas *sukuk* dan instrumen jangka panjang berteraskan hutang. Ini juga diqiayakan kepada zakat harta yang dirampas jika ia mampu diambil yang mana wajib disegerakan pembayaran zakatnya. Kata beliau lagi:

“dan jika harta yang dirampas itu mampu diambil semula, atau jika adanya bayyinah (pembuktian) bagi mereka yang engkar tentang kewujudan hutang, maka wajib zakat pada ketika itu juga” (jil 2, b 40).

Namun sekiranya pemegang sukuk memegang pemilikan sukuk berbentuk hutang tersebut sehingga ke akhir tempoh matang (*hold up to maturity*) atau ia dijadikan sebagai aset simpanan strategik sebagai memenuhi tuntutan (*statutory*) atau memenuhi keperluan menguruskan risiko berdasarkan BASEL III sebagai contoh maka ia mengambil ciri ciri *al-dayn al-mu'ajjal* yang sebenar kerana tidak diniagakan di pasaran sekunder justeru dari segi pengiraan zakat, ianya tidak dikenakan zakat sehinggalah ianya matang.

Apa yang boleh dirumuskan dari perbincangan di atas ialah, pandangan yang mengatakan bahawa jika sesuatu instrumen hutang jangka panjang itu boleh ditasarrufkan walaupun sebelum waktunya maka ianya boleh dikira sebagai hutang jangka pendek dan zakat adalah wajib dibayar segera dan tidak perlu menunggu tempoh matang. Pendapat ini selain merupakan sesuai dengan

sifat sebenar produk ini, lebih penting dari itu ia dapat membantu dalam pemerkasaan kutipan zakat melalui penyegeraan pembayaran zakat, dan sudah tentu ianya dapat membantu pusat-pusat zakat memperkasakan operasi mereka terutama dari sudut kutipan dengan mengutip jumlah zakat yang lebih besar dari aset-aset hutang jangka panjang yang diperniagakan ini.

Selain dari itu juga, perlu dinyatakan di sini bahawa cadangan di atas hanya sesuai bagi dana-dana pelaburan seperti unit-unit amanah, syarikat-syarikat pelaburan dan institusi selain bank yang melabur dalam instrumen berpendapatan tetap/*fixed income* seperti sukuk kerana secara umumnya wujud pembahagian aset jangka panjang dan jangka pendek dalam laporan kewangan mereka, dan zakat hanya diambil kira dari aset jangka pendek sahaja. Namun bagi bank-bank Islam sebagai contoh, oleh kerana mereka tidak membahagikan aset mereka kepada aset jangka panjang atau pendek maka cadangan ini tidak sesuai memandangkan ianya sudah termasuk dalam aset yang tertakluk kepada zakat berdasarkan metod pengiraan zakat yang terpakai iaitu berdasarkan metod berkembang (*growth method*).

KESIMPULAN

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan di atas, jelas terdapat beberapa pendekatan baru boleh diambil oleh pusat zakat dalam memperkasakan institusi zakat terutama dalam aspek kutipan. Melalui pertambahan dana yang boleh dikutip, ianya dapat mempelbagaikan aktiviti yang boleh dilakukan oleh mereka, seperti menambahkan bilangan penerima zakat dan kadar jumlah yang diagihkan, mempelbagaikan program-program pendidikan untuk para asnaf, pelaburan wang zakat untuk kepentingan asnaf dan sebagainya. Badan-badan pentadbir zakat di negara ini perlu melakukan anjakan paradigma dalam operasi yang mereka lakukan dan berani meneroka bidang-bidang baru dalam aspek kutipan zakat. Mereka juga tidak boleh terlalu bergantung kepada sumber-sumber sedia ada sahaja terutama zakat pendapatan. Kebergantungan kepada zakat pendapatan sebagai sumber utama seperti yang jelas ketika ini adalah sesuatu yang perlu dikurangkan memandangkan wabak COVID-19 menyebabkan pengurangan pendapatan ramai pihak, perbelanjaan luar jangka yang bertambah dan sebagainya dan ini mungkin akan menyebabkan jumlah bayaran kepada pusat zakat mungkin akan berkurangan. Ini akhirnya akan menjejaskan perancangan dan gerak kerja pusat zakat itu sendiri dan menyebabkan ia kurang berkemampuan menghadapi cabaran semasa.

RUJUKAN

- Accounting and Auditing of Islamic Financial Institution-AAOIFI. (2010). Manama, Bahrain.
- Adibah Abdul Wahab., & Joni Tamkin Borhan. (2014). Faktor penentu pembayaran zakat oleh entiti perniagaan di Malaysia: Satu tinjauan teori. *Jurnal Syariah*, 22(3), 295-322.
- Affin Islamic Bank. (2020). *AiBB Affin Islamic Bank Bhd 2020Q4-26022021 financial statement 2020*. <https://www.affinislamic.com.my/AFFINISLAMIC/media/Documents/Financial%20Statement/AiBB-Affin-Islamic-Bank-Bhd-2020Q4-26022021.pdf>
- Ahmad Shahir, M., & Adibah, A. B. (2010). Pengurusan zakat di negeri Selangor: Isu dan cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam*, UKM.
- Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani., & Ridzwan Ahmad. (2017). Aplikasi konsep khultah dalam pengiraan zakat di Malaysia: Analisis isu, cabaran dan penyelesaiannya. *Jurnal Syariah*, 25(2), 187-216.
- Ahmad Zakirullah, M., S, Fidlizan, M., Mohd Yahya, M. Husin, Azman, M. N, Azila A. R, & Alias, A. (2020). Payment of zakat on business using stock and goods: A preliminary analysis. *Journal of Psychology and Education*, 57(8), 1963-1972.
- Aidil, A. (2017). Zakat sebagai instrumen jaminan sosial. *Al-Hurriyah: Jurnal Hukum Islam*, 2(1), 31-44. <http://dx.doi.org/10.30983/alhurriyah.v2i.260>
- Al-Baihaqi, Ahmad, H, ed. Muhammad ‘A., Q. ‘A. (2003). *Al-sunan al-kubra*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Baji, Abu al-Walid Sulayman, K. (1914). *Al-muntaqa sharh al-muwatta'*. Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Bukhari, Muhammad, I. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir.
- Al-Fayumi, Ahmad, M. (1987). *Al-misbab al-munir*. Maktabah Lubnan.
- Al-Jaziracapital. (2014). *Sukuk: The sharia fixed income alternative strategy*. https://www.aljaziracapital.com.sa/report_file/ess/SPE-171.pdf
- Al-Juwayni, 'Abd al-Malik, A. (2007). *Nihayat al-matlab fi dirayah al-madhbhab*. ed. Dr 'Abd al-'Azim Mahmud Dayyib. Dar al-Minhaj li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Kasani, Abu Bakar, M. (2003). *Bada'i al-sana'i fi tartib al-syarai'*; ed. Syeikh 'Ali M. M, Syeikh 'Adil Muhammad, 'A. M. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Maghribi, Abi 'Abd Allah Muhammad, M. (1995). *Mawabib al-jalil li sharh al-mukhtasar al-khalil*. ed. Syeikh Zakariyya 'Umairat. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abi Zakariya Muhy al-Din Yahya, S. (t.t). *Al-majmu' sharh al-muhadhbhab*. Maktabah Irshad.
- Al-Qalyubi wa al-'Umairah, Shihab al-Din Ahmad, A, Shihab al-Din Ahmad al-Barlasi al-'Umairah. (1955). *Hasyiyah al-qalyubi wa 'umairah 'ala sharh al-maballi 'ala minhaj al-talibin*. Mustafa al-Babi al-Halaba.
- Al-Qarafi, Ahmad, I. (1994). *Al-zakhirah*. ed. Dr Muhammad Haji. Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Ramli, Muhammad, A. (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh Minhaj*; berserta *Hasyiyah 'Ali bin 'Ali al-Shabralamsi, Hasyiyah Muhammad bin Ahmad al-Maghzi al-Rasyidi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syarbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (n.d). *Mughni al-muhtaj ila ma'rifati ma'ani alfaz al-minhaj*. ed. Taha 'Abd al-Ra'uf Sa'ad, 'Imad Zaki al-Barudi, Muhammad 'Izat (al-Qahirah: Maktabah Tawfiqiyah, t.t).
- Al-Zanjani, Shihab al-Din Mahmud, A. (t.t). *Takehrij al-Furu' 'ala al-Usul*, ed. Dr Adib. Mu'assasah al-Risalah.
- Azman, A. R. (2017). *Tranformasi pemeraksanaan kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Azman, M, N., Abdoul Razzak, K, Ahmad Zakirullah, M, S., & Abdulmajid Obaid, H. S. (2020). *The concept of zakat of mustaghballat and its application to long term investment sukuk*. Springer International Publishing.
- Aznan, H. (2018). Zakat on legal entities (shakhsiiyyah i'tibariyyah): A Shari'ah analysis. *Al-Shajarah, Journal of Islamic Thought and Civilization, Special Issue, Islamic Banking and Finance*, 255-282.
- Bank Islam. (2020). *Annual report 2019*. https://www.bankislam.com/wp-content/uploads/BI_AR19_Finan_19.08.pdf
- Bank Muamalat Malaysia Berhad (2020). *Bank Muamalat Malaysia Berhad audited report 31st Dec 2020*. <https://www.muamalat.com.my/corporate-overview/financials/?y=2020>
- CIMB Islamic Bank. (2020). CIMB Islamic FS 2020. <https://www.cimb.com/en/investor-relations/financial-information/cimb-islamic-bank-berhad.html>
- Dar al-Qutni, 'Ali, 'U. (2001). *Sunan dar al-qutni*, ed. 'Adil 'A, M, 'Ali Muhammad Mu'awwad. Dar al-Ma'rifah. <https://www.tabunghaji.gov.my/index.php/ms/simpanan/maklumat-am/simpanan>
- Ibn Abi Syaibah, Abi Bakar 'Abd Allah, I. (2004). *Musannaf Ibn Abi Syaibah*, ed. Hamad bin 'A. J., Muhammad bin Ibrahim al-Lihidan. Maktabah Rusyd Nasyirun.
- Ibn al-Rushd, Muhammad, A, M. (2004). Kaherah: Dar al-Hadis.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad, 'A. (2001). *Fath al-bari 'ala sharh sahib al-bukhari*, ed 'Abd Qadir Syaibah, H. Riyad: dicetak oleh biaya oleh Amir Sultan, 'A. A, keluarga diraja Saudi.
- Ibn Manzur, Muhammad, M. (1999). *Lisan al-'arab*. Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Qudamah, A. A. A. (t.t). *Al-mughni wa yalibi al-syarh al-kabir*. Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Kuwait Zakat House. (1988). *Hukm ibkraj al-zakat 'urud al-tijarah*. <https://webapps.zakathouse.org.kw/Files//na1/nadwa1.pdf>

- Lembaga Zakat Selangor. (2021a). *Zakat perniagaan*. <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-perniagaan/>
- Lembaga Zakat Selangor. (2021b). *Kalkulator zakat*. <http://www.zakatselangor.com.my/calkulator-zakat/zakat-perniagaan/>, <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-perniagaan/>
- Lembaga Zakat Selangor. (2022). *Zakat pelaburan*. <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-saham/>
- Mahyuddin Ali al-Qaradaghi. (2019). *Zakat urud tijarah*. <http://www.qaradaghi.com/chapterDetails.aspx?ID=1099>
- Majma` Fiqhi al-Islami. (2009). *Qarar bi Sya`ni al-Sukuk al-Tawarruq wa Tatbiqatuba al-Muasirah wa Tadawuluba*. <https://www.iifa-aifi.org/ar/2300.html>
- Maybank Islamic. (2020). *Maybank Islamic Condensed Financial Statements FY2020*. <https://www.maybank.com/en/investor-relations/reporting-events/reports/subsidiary-reports.page>
- Mohd Faiz, M. Y, Aliff, N., & Raja Rizal Iskandar R., H. (2019). Persediaan institusi zakat menggunakan mata wang kripto (bitcoin). *International Journal on Zakat and Islamic PIlanthropic*, 1(2), 138-150.
- Muhammad Ikhlis, R., & Luqman, A. (2021). Analisis terhadap keputusan hukum dan fatwa zakat syarikat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 23(1), 1-12.
- Muhammad, I. (2016). Factors that influence business zakat compliance among Small and Medium Entrepreneurs. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(1), 97-109. <https://jmifr.usim.edu.my/index.php/jmifr/article/view/50/50>
- Mustafa Khin, Mustafa Bugho, & 'Ali Sharbaji. (2003). *Al-fiqh al-manhaji 'ala madhhab al-imam al-Shafi'i*. Dar al-Qalam.
- Nuruul Hidayah, M., S, Salahudin, Suyurno., & Norajila, C. M. (2014). Pemeraksanaan agihan zakat sebagai medium pembangunan masyarakat Islam. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM. DOI:10.13140/RG.2.1.1979.5367
- Pusat Pungutan Zakat. (2021). *Jenis zakat, zakat perniagaan*. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-perniagaan/>
- Rosele, M. I., & Abdullah, L. (2018). Zakah on shares: Theory and reality in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 6(2), 30–39. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v6i2.8778>
- Sanep, A., & Hairunnizam, W. (2005). Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 71-88. <http://journalarticle.ukm.my/7796/>
- Sulong, J. (2019). Kedudukan mazhab Syafi'i dalam amalan pembahagian pusaka dan wasiat Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(1), 163–183. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/2278>
- Taufiq, Y. Y. H. (2021) Kesan COVID-19 kepada manusia dan alam. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842582>
- Teh Suhaila, T. (2017). Perakaunan zakat perniagaan dan taksirannya. *Jurnal Pengajian Islam*, 10(2), 18-30.
- Wahid, H., Osmera, S. H., & Mohd Noor, M. A. (2021). Sustainable zakat distribution through wakalah contract. *International Journal of Zakat*, 6(1), 49-70. <https://ijazbaznas.com/index.php/journal/article/view/250>
- Yusuf al-Qaradawi. (2001). *Fiqh al-zakat*. Mu'assasah al-Risalah.